

## MANIFESTASI ALAM DALAM FALSAFAH, DIAGNOSIS DAN RAWATAN PENYAKIT BERDASARKAN PERUBATAN AYURVEDA DAN TRADISIONAL MELAYU: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

### Abstrak

Manusia dan alam merupakan konsep yang penting dalam pandangan semesta masyarakat tradisional. Konsep ini dapat dilihat dalam pandangan semesta dan kosmologi yang membincangkan persoalan mengenai asal usul kewujudan manusia dan alam semesta, elemen-elemen alam serta manifestasinya dalam perubatan tradisional masyarakat. Dalam konteks perubatan tradisional seperti Ayurveda dan perubatan tradisional Melayu, manifestasi alam ini bukan hanya dapat dilihat dalam falsafah perubatan tetapi juga diagnosis serta rawatan yang diberikan terhadap penyakit. Perbincangan kertas kerja ini memfokuskan konsepsi masyarakat terhadap elemen-elemen alam sama ada yang bersifat fizikal ataupun sebaliknya serta manifestasi pemahaman tersebut terhadap falsafah perubatan mereka. Antara konsep yang akan dibincangkan ialah elemen-elemen alam seperti tanah, air, api, udara dan ether atau lebih dikenali sebagai ruang yang bukan hanya penting dalam konteks komposisi alam tetapi juga badan manusia berdasarkan perubatan Ayurveda. Kajian dilakukan melalui tinjauan bahan bacaan dan temubual dengan pengamal perubatan Ayurveda dan tradisional Melayu. Hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang agak ketara dalam kaedah diagnosis dan rawatan perubatan Ayurveda yang memfokuskan kepada ciri-ciri dan tanda-tanda fizikal berbanding perubatan tradisional Melayu yang turut memuatkan elemen lain seperti raksi, ramalan, tahun kelahiran dan sebagainya di samping ciri-ciri dan tanda-tanda fizikal bagi tujuan diagnosis dan rawatan penyakit.

Kata kunci: perubatan tradisional Melayu, perubatan Ayurveda, kosmologi, diagnosis, rawatan

### PENDAHULUAN

Ayurveda yang boleh didefinisikan sebagai ‘sains kehidupan’ merupakan salah satu kaedah yang telah diterima dan digunakan secara meluas oleh masyarakat India sejak ribuan tahun dahulu. Kaedah perubatan dan etiologi penyakit berdasarkan Ayurveda direkodkan dalam kitab suci masyarakat India seperti Rig Veda dan Atharva Veda (Valiathan, 2009). Kaedah terperinci dalam perubatan Ayurveda turut dicatatkan dalam dua kitab utama iaitu *Charaka Samhita* dan *Sushrut Samhita* yang masih digunapakai hingga ke hari ini. Dalam kitab *Charaka Samhita*, fokus diberikan kepada kaedah perubatan bagi penyakit bercorak fizikal, mental mahupun spiritual manakala kitab *Sushrut Samhita* pula menerangkan aspek perubatan melibatkan pembedahan dan kaedah *Marma* yang melibatkan terapi titik vital badan yang dipercayai mempunyai kaitan yang erat dengan amalan akupunktur yang diamalkan oleh masyarakat Cina (Douillard, 2004).

### KONSEP MANUSIA DAN ALAM DALAM PERUBATAN MELAYU

Asal usul kejadian manusia dari empat unsur alam iaitu tanah, air, api dan angin menurut pandangan masyarakat Melayu menurut Haron (2014) telah dijelaskan oleh Syekh Hussin dari

Pulau Tiga, Perak dalam suratnya kepada Maxwell. Dalam konteks ini, Adam dikatakan berasal dari tanah yang diambil oleh Izrail yang dibentuk menjadi lembaga tanpa roh. Surat berkenaan menceritakan konsep mikrokosmos atau 'alam kecil' dalam diri manusia berdasarkan pengamatan Azazel yang menyelip masuk ke dalam anggota Adam melalui rongga hidung. Hasil pengamatan tersebut dikhabarkan bahawa anggota badan manusia dari bahagian pusat ke bawah adalah menyerupai bumi manakala anggota pusat ke atas menyerupai langit. Jelas Haron (2014), jasad manusia dibentuk oleh empat unsur alam iaitu tanah, air, api dan angin. Unsur tanah yang meliputi zat galian atau mineral seperti Natrium, Kalsium, Besi, Zink, Magnesium dan sebagainya membentuk daging dan tulang sepertimana yang dapat dibuktikan dengan kajian saintifik. Unsur-unsur air pula terdiri daripada segala cairan dalam badan seperti darah dan mukus manakala unsur api dapat dirasakan melalui suhu badan atau haba yang dapat dirasakan apabila berlaku pergeseran anggota seperti dua tapak tangan. Unsur angin pula dikatakan dapat memasuki badan manusia melalui rongga hidung melalui proses pernafasan dan juga melalui makanan dan minuman yang bersifat sejuk. Setiap unsur-unsur alam tersebut mempunyai sifat yang tersendiri. Api misalnya bersifat panas, angin bersifat kering, air bersifat sejuk manakala tanah pula bersifat basah. Kandungan setiap unsur dengan sifatnya dalam badan harus dalam keadaan seimbang. Jika tidak seimbangan ia boleh menimbulkan masalah atau penyakit. Pada hakikatnya Jasad merupakan sarang kepada Roh. Jasad Adam yang dijadikan dari tanah tidak bergerak 11 sebelum Roh dimasukkan ke dalamnya. Tanpa Jasad tidak akan wujud Roh seseorang kecuali Jasad telah mati, maka Rohnya akan keluar dan kembali kepada Allah (Haron, 2014)

Alam menurut pemahaman Melayu terbahagi kepada dua iaitu mikrokosmos dan makrokosmos. Mikrokosmos merujuk kepada diri manusia sebagai alam yang kecil yang meliputi fizikal, akal, roh, semangat dan lain-lain serta makrokosmos yang meliputi alam sekitar dan alam ghaib (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 2001). Dalam konteks hakikat kewujudan pula, manusia adalah makrokosmos manakala alam hanyalah mikrokosmos memandangkan kedudukan manusia adalah lebih utama di sisi Tuhan. Keadaan ini, jelas Pisol (2013), diungkapkan dengan jelas oleh Syeikh Nuruddin dalam kitab *Bustan al-Salatin* seperti berikut:

Maka adalah wujud insan itu bernama alam kabir, bumi dan langit dan barang yang ada antara keduanya itu bernama alam soghir. Dan kejadian insan itu terlebih baik daripada semesta sekalian dari kerana terhimpun dalamnya segala barang yang ada dalam langit dan bumi.

(Syeikh Nuruddin, t.t: 94 dipetik dalam Pisol, 2013)

Pemikiran saintifik dan teknik perubatan Melayu terhasil dari pemerhatian, kajian dan pembelajaran dari alam. Berdasarkan pemerhatian terhadap *Kitab Tib* Pontianak, Abdul Razak (2006) membuat kesimpulan bahawa pemilihan flora dibuat dengan penuh ketelitian dan tidak hanya terhad kepada penggunaan daunan bagi memperlihatkan kelebihan setiap aspek tumbuhan termasuklah buah, biji, kulit dan akar yang setiap satunya mempunyai khasiatnya yang tersendiri bagi mengubati penyakit (Abdul Razak, 2006). Bagi memastikan keberkesanan rawatan, tumbuhan ubat dipetik atau diambil pada masa-masa tertentu dengan memberikan tumpuan yang khusus terhadap perubahan musim memandangkan bahan aktif tumbuhan bukan hanya berubah mengikut keadaan tanah dan iklim tetapi turut berubah mengikut musim. Malah, umur dan

kematangan tumbuhan turut diambil kira bagi memastikan mutu dan nilai kandungan aktif adalah terjamin (Faisal @ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah, 2012).

Setiap masyarakat mempunyai sistem perubatan dan cara pengubatan yang tersendiri kesan pengaruh lingkungan alam dan persekitaran serta kepercayaan dan budaya yang diwarisi. Falsafah penggunaan alam, jelas Zainal Kling (1995) ialah Allah mencipta alam untuk manfaat manusia. Justeru, paradigma Melayu adalah mesra alam dan mementingkan keseimbangan. Kepercayaan bahawa 'setiap penyakit pasti ada ubatnya' bukan hanya mendorong kepada kajian tentang khasiat perubatan dari alam tetapi juga kajian terhadap unsur-unsur ghaib, mistik serta magis bagi mewujudkan keseimbangan dan keharmonian. Konsep keharmonian dalam perubatan Melayu meliputi unsur-unsur dalam badan, sesama manusia dan juga antara manusia dengan alam dan persekitaran. Dalam kitab *Bustan al-Salatin* misalnya disebutkan bahawa terdapat empat cairan atau *humor* utama dalam tubuh manusia iaitu darah, balgam, air hempedu kuning dan air hempedu hitam (Pisol, 2013). Menurut Kitab Tib, unsur-unsur dalam badan manusia ini dikaitkan dengan empat anasir alam seperti tanah, air, api dan angin mempunyai perwatakannya yang tersendiri. Tanah contohnya dikatakan bersifat dingin dan kering manakala api mempunyai sifat panas dan kering (Hashim, 1990). Jelas Fisol (2013: 189):

Keempat-empat anasir yang terdapat dalam badan manusia ini hanyalah simbol yang menggambarkan manifestasi alam tabii ini dalam tubuh insan dan bukan merujuk kehadiran anasir-anasir ala mini secara fizikal. Anasir-anasir ini penting kerana membawa sifat-sifat alam dalam diri manusia menerusi humor dan dengan ini mengharmonikan manusia dengan alam ini.

Dalam hal ini, humor darah adalah bersifat panas dan lembap seperti air manakala humor air hempedu hitam adalah bersifat sejuk dan kering seperti sifat tanah. Hasil interaksi antara anasir-anasir ini, tambah Fisol (2013) menghasilkan temperamen iaitu pembawaan dan perangai yang unik bagi setiap individu sepertimana yang dapat diperhatikan dalam fenomena alam yang tercetus akibat daripada campuran keempat-empat anasir ini.

Berdasarkan ilmu perubatan Melayu tradisional, klasifikasi dan rawatan penyakit adalah ditentukan berdasarkan sumber penyakit tersebut. Menurut A. Samad (1980), penyakit menurut manuskrip perubatan Melayu adalah berpunca daripada angin, balgam, darah atau campuran darah dan angin. Angin menurut Hashim (2010) merujuk kepada udara yang membawa kotoran atau penyakit dan memasuki atau menyerap ke dalam badan melalui rongga-rongga badan seperti hidung, mulut dan liang roma. Istilah angin turut merujuk kepada gas yang berkumpul dalam perut atau urat dan juga jiwa serta perasaan. Punca penyakit, jelas A. Samad (1980), dapat diketahui dengan melihat kepada simptom-simptom yang dialami oleh pesakit. Sebagai contoh, penyakit yang dikatakan berpunca daripada angin menyebabkan pesakit mempunyai simptom-simptom seperti badan gementar, mengalami pening kepala, tubuh menggeliat dan sakit pada kedua-dua rusuk dan perut. Sakit yang disebabkan oleh balgam pula akan menyebabkan pesakit mempunyai tanda-tanda seperti mengerang kerana kesejukan, hilang selera makan dan mengalami demam pada waktu pagi. Penyakit yang disebabkan oleh unsur-unsur natural ataupun tabie ini pada kebiasaannya dirawat dengan ubat-ubatan dari sumber alam ataupun bekam bagi mengeluarkan mengeluarkan 'darah kotor' dan 'angin sejuk' daripada badan (Mohd. Koharuddin, 2003). Walau bagaimanapun, penyakit yang dipercayai disebabkan oleh unsur-unsur supernatural seperti sihir, makhluk halus dan kuasa luar biasa seperti Tuhan memerlukan kaedah rawatan yang berbeza.

## KONSEP MIKROKOSMOS DAN MAKROKOSMOS DALAM PERUBATAN MELAYU DAN AYURVEDA

Menurut falsafah Ayurveda, seluruh alam semesta termasuk manusia adalah terdiri daripada lima unsur iaitu ruang/angkasa atau ether, air, api, udara dan tanah yang bukan hanya membentuk alam semesta (makrokosmos) dan badan manusia (mikrokosmos). Berdasarkan pemahaman tersebut, kesan vibrasi kosmik dalam alam semesta dipercayai menghasilkan elemen ether atau angkasa. Pergerakan ether pula menghasilkan udara yang mencetuskan geseran dan seterusnya haba. Partikel haba yang terhasil pula bergabung dengan cahaya bagi menghasilkan api. Kepanasan yang terhasil mencairkan elemen-elemen ether menghasilkan air manakala air yang mengeras menghasilkan molekul tanah atau bumi. Kelima-lima unsur ini bukan hanya membentuk komposisi alam semesta tetapi turut membentuk semua kejadian lainnya. Air misalnya dalam bentuk ais memiliki unsur keras seperti tanah. Unsur api dalam ais turut mencairkannya dan menghasilkan air. Dengan bantuan haba, air menghasilkan wap yang mempunyai unsur udara. Wap yang dihasilkan akhirnya kembali ke angkasa menjadi ether (Vasant, 1990).

Memandangkan manusia adalah mikrokosmos semesta, kelima-lima unsur yang membentuk komposisi alam tersebut turut mendominasi diri individu. Unsur ruang atau ether merangkumi ruang seperti yang terdapat dalam rongga mulut, hidung, perut dan kapilari darah manakala udara pula wujud dalam degupan jantung dan pergerakan paru-paru. Unsur api pula merujuk kepada metabolisme badan yang berperanan dalam sistem pencernaan dan juga fungsi otak yang merujuk kepada intelek. Unsur api turut dipercayai mengaktifkan retina bagi membolehkan kita melihat cahaya. Air pula dimanifestasikan dalam bentuk jus pencernaan, mukus, plasma darah dan sebagainya yang merupakan unsur penting badan. Unsur tanah pula merujuk kepada struktur badan manusia yang solid termasuklah tulang, otot dan tendon (Vasant, 1990). Konsep *tridosha* atau tiga prinsip asas tenaga atau fungsi yang terdapat dalam manusia yang terdiri daripada *Vata*, *Pitta* dan *Kapha* adalah kombinasi daripada kelima-lima elemen tersebut. Sama seperti cap jari yang mempunyai corak yang tertentu yang tidak dimiliki oleh individu yang lain, setiap individu turut mempunyai keunikan tersendiri dari segi komposisi *Vata*, *Pitta* dan *Kapha* dalam badan yang boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran termasuk peningkatan usia dan perubahan musim.

*Vata*, *Pitta* dan *Kapha* mempunyai sifat dan fungsi tersendiri bergantung kepada unsur-unsur yang membentuknya. *Vata* misalnya merujuk kepada tenaga pergerakan terdiri daripada gabungan ruang dan udara yang bersifat kering, ringan, sejuk, kasar, halus, mudah alih dan jelas. *Vata* mengawal pernafasan, otot dan pergerakan tisu, denyutan jantung dan semua pergerakan dalam sitoplasma serta sel membran. Secara dasarnya, *Vata* mendominasi usus, otak, telinga, tulang, sendi, kulit dan paha. Individu yang bersifat *Vata* mudah terdedah kepada penyakit yang melibatkan udara dan organ yang didominasi oleh *Vata* seperti radang paru-paru, sembelit, kembung perut, kekeliruan mental, sakit sendi, gangguan saraf, kulit dan rambut kering. *Pitta*

yang terdiri daripada gabungan api dan air pula merujuk kepada tenaga penghadaman dan metabolisme yang mengawal pencernaan, penyerapan zat makanan dan suhu badan. Secara umumnya, individu yang bersifat *Pitta* mempunyai badan yang panas, mudah berpeluh, fikiran yang cerdas, metabolisme yang kuat, penghadaman yang baik dan selera yang besar. Memandangkan pada asasnya tubuh individu *Pitta* adalah panas, toleransi terhadap cahaya matahari, haba dan kerja keras melibatkan fizikal adalah rendah. Sekiranya tidak terdapat keseimbangan *Pitta* dalam badan, individu akan cenderung untuk menjadi sangat gelisah, agresif dan panas baran di samping mengalami uban pramatang atau keguguran rambut. Individu yang bersifat *Pitta* juga cenderung untuk mendapat penyakit dan simptom melibatkan prinsip api seperti demam, penyakit radang, ulser, ruam kulit, sakit tekak dan sebagainya. *Kapha* pula merujuk kepada tenaga pelinciran dan pembentukan struktur badan yang terdiri daripada tulang, otot dan tendon. *Kapha* yang terdiri daripada gabungan tanah dan air membentuk seolah-olah “gam” bagi memegang sel-sel selain daripada membekalkan air kepada organ dan sistem badan. Ia turut berperanan melincirkan sendi, melembapkan kulit, dan mengekalkan imuniti badan. Secara umumnya, individu yang bersifat *Kapha* memiliki kekuatan, ketahanan dan stamina di samping sifat yang penyayang dan stabil. Walau bagaimanapun, mereka lebih cenderung untuk mempunyai penyakit yang berkaitan dengan prinsip air seperti selesema, sinus, penyakit melibatkan mukus, diabetes dan sakit kepala (Vasant, 1990).

## **KAEDAH RAWATAN BERPANDUKAN KONSEP HUBUNGAN DI ANTARA MANUSIA DAN ALAM DALAM KONSEP PERUBATAN MELAYU DAN AYURVEDA**

Menurut Sharma (2005), Ayurveda bukan hanya melibatkan pengetahuan tentang penyakit dan kaedah rawatan yang ditetapkan tetapi turut meliputi setiap aspek kehidupan termasuklah tanggungjawab berdasarkan status dan kedudukan (*dharma*), *karma* dan *moksa* yang bertitik tolak daripada pemahaman kepercayaan Hindu. Walaupun turut dipengaruhi doktrin Hindu, secara dasarnya terdapat persamaan di antara perubatan Ayurveda dan perubatan tradisional lain termasuklah perubatan tradisional Melayu jika dilihat daripada konsep kesejahteraan holistik yang ditekankan meliputi hubungan antara individu, masyarakat dan juga Tuhan. Konsep yang ditekankan dalam Ayurveda meliputi konsep keharmonian dengan segala makhluk yang bernyawa mahupun tidak bernyawa dalam ruang lingkup alam yang nyata mahupun tidak nyata bagi mengelakkan timbulnya unsur atau tenaga yang negatif yang akhirnya akan membawa kepada kemudharatan.

Ketidakeimbangan di antara unsur-unsur badan yang membentuk *dosha* dan tisu badan (*dhatu*) serta keseimbangan di antara badan, minda serta jiwa merupakan antara faktor pengumpulan toksik atau *ama* yang merupakan punca penyakit mengikut pemahaman Ayurveda (Valiathan, 2009). Berdasarkan sistem perubatan Ayurveda, kesihatan tidak hanya tertumpu kepada ketiadaan penyakit tetapi juga kesejahteraan keseluruhan aspek kehidupan meliputi fizikal, mental, spiritual dan kesejahteraan sosial. Sama seperti perubatan Melayu yang bersifat holistik, Ayurveda turut menekankan aspek keseimbangan di antara elemen-elemen badan dan

antara manusia dengan alam bagi menjamin keharmonian dan mengelakkan kemudaratan serta penyakit. Kaedah pengubatan dan pencegahan penyakit yang ditekankan oleh Ayurveda banyak melibatkan pengambilan makanan tertentu di samping perubahan gaya hidup termasuklah senaman, meditasi, pengamalan akhlak yang baik serta pemikiran yang positif. Secara mudahnya, kaedah ini melibatkan pengubahsuaian cara hidup bagi mewujudkan keseimbangan dan keharmonian di antara semua aspek yang penting dalam kehidupan. Ia turut meliputi proses pengenalpastian punca penyakit dan membuat perubahan yang sewajarnya bagi mewujudkan keseimbangan. Sekiranya punca penyakit dikenalpasti berpunca daripada faktor luaran seperti kemarahan Tuhan sepertimana yang tercatat dalam kitab Atharva Veda (Valiathan, 2009), tindakan yang bersifat spiritual dan keagamaan perlu diambil bagi mengatasi permasalahan yang timbul.

## KESIMPULAN

Perubatan Melayu memperlihatkan pengetahuan dan kearifan tempatan yang bersumberkan akumulasi pengetahuan dan pengalaman serta interaksi dengan budaya berbeza. Pengetahuan perubatan Melayu yang telah digunakan serta diuji keberkesanannya sejak turun temurun memperlihatkan fokus kepada hubungan timbal balik antara manusia dan alam serta penyesuaian kepada persekitaran bagi mewujudkan keharmonian dan keseimbangan. Hubungkait antara fizikal, spiritual, persekitaran, psikologi dan kesihatan dalam perubatan Melayu menunjukkan bahawa pengetahuan dan kearifan tempatan adalah tinggi dan mampu dikagumi. Kajian terhadap intipati manuskrip perubatan Melayu atau *Kitab Tibb* adalah penting kerana ia memberikan sudut pandang berbeza daripada yang sering dimomokkan oleh golongan orientalis. Berdasarkan analisis awal yang dibuat terhadap manuskrip perubatan Melayu terutamanya *Kitab Tibb*, dapat dirumuskan bahawa perubatan Melayu mempunyai ciri-ciri holistik yang gagal ditonjolkan oleh perubatan Barat. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dibuat terhadap *Kitab Tibb* hanya menyentuh soal rawatan dan ubatan kepada penyakit dan tidak menekankan aspek lain seperti kaedah mengenali tanda-tanda penyakit, diagnosis, kaedah menyediakan ubatan dan sebagainya yang mampu meletakkan perubatan tradisional Melayu dalam kedudukan yang setaraf dengan kajian perubatan Ayurveda yang lebih lengkap. Justeru, lebih banyak kajian terhadap intipati *Kitab Tibb* perlu diusahakan agar teori penyakit, kaedah diagnosis dan rawatan perlu diusahakan bagi menonjolkan ciri-ciri saintifik dalam perubatan Melayu.

## RUJUKAN

- Douillard, J. (2004). Ayurveda for Optimal Health and Well Being. *APBN*, 8(23), pp. 1285-1289.
- Haron Daud, Kuasa penyembuhan dalam perubatan tradisional
- Sharma, S.C. (2005). *Ayurveda the ultimate medicine*. New Delhi: Wisdom Tree.
- Valiathan, M. S. (2009). An Ayurvedic view of life. *Current Science*, 96 (9), pp. 1186-1192.
- Vasant, L. (1990). *Ayurveda the science of self-healing: A practical guide*. Wisconsin: Lotus Press

